

Dr M akan bincang Saemaul Undong

Dari ZAINUDDIN AYIP
Ketua Pemberita BH

SEOUL, Ahad — Projek Saemaul Undong — gerakan membentuk masyarakat baru adalah antara pokok perbincangan utama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin-pemimpin Republik Korea, Selasa ini.

Perdana Menteri yang memulakan lawatan rasmi ke Korea esok akan diberi penenerangan secara mendalam mengenai projek itu oleh Timbalan Perdana Menteri Korea, Encik Suh Suk-Joon yang juga Menteri Perancangan Ekonomi dan pegawai-pegawai kanan Lembaga Perancangan Ekonomi negara itu.

Projek itu yang membawa Korea ke arah ke-

majuan menekankan tiga aspek penting iaitu meningkatkan semangat supaya rajin bekerja, memelihara alam sekitar dan meningkatkan pendapatan penduduk.

Malaysia dijangka menerapkan falsafah dan konsep projek itu untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar dan pembukaan tanah-tanah baru untuk pertanian.

Dalam pertemuan dari hati ke hati dengan Presiden Chun Doo Hwan pula, Datuk Seri Dr Mahathir akan memberitahu pemimpin itu mengenai dasar baru kerajaan seperti Pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia

dan Pengswastaaan.

Kedua pemimpin itu juga akan berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai keadaan politik serantau dan usaha-usaha yang boleh mengeratkan lagi hubungan ekonomi kedua negara.

Presiden Chun pula dijangka memberitahu Datuk Seri Dr Mahathir mengenai usaha-usaha untuk menyatukan Korea Selatan dan Utara dan sumbangan yang boleh diberikan oleh negaranya kepada Malaysia.

Perdana Menteri juga akan berbincang dengan rakan sejawatnya, Encik Kim Sung Hyup mengenai pelbagai perkara ke-

pentingan bersama khususnya di bidang ekonomi.

Dalam lawatan rasmi selama seminggu, Datuk Seri Dr Mahathir akan diringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan isteri serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Rombongan Perdana Menteri akan melawat beberapa kilang perindustrian membuat jentera berat, alat-alat elektronik dan keluaran pertukangan kayu, Rabu dan Khamis ini.

Dalam lawatan ke Republik Korea itu, Perdana Menteri juga akan menemui usahawan-usahawan terkemuka negara itu.